

Kajian di ISS untuk pelbagai negara

Kosmo m/s 3 18.10.07

KUALA LUMPUR - Angkasawan Malaysia, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha yang berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) turut membantu menjalankan kajian saintifik untuk Agensi Angkasa Lepas Eropah (ESA) dan Agensi Eksplorasi Angkasa Jepun (JAXA).

Pengarah Program Angkasawan Negara, Kol. Dr. Zulkeffeli Mat Jusoh berkata, kajian itu ialah mengenai kesan keadaan mikrograviti dan radiasi solar kepada perubahan sistem badan angkasawan ketika di angkasa.

"Kajian ESA melibatkan penyelidikan kesan mikrograviti terhadap bahagian belakang badan, persepsi pergerakan, daya

ketahanan sebelum dan selepas penerbangan ke ISS serta kestabilan penglihatan dan badan," katanya kepada Bernama apabila dihubungi di Moscow semalam.

Kajian JAXA pula melibatkan penyelidikan mengenai pengukuran paras pendedahan angkasawan terhadap radiasi angkasa lepas, katanya.

"JAXA memperkenalkan satu alat yang diletakkan dalam poket baju angkasawan untuk mengkaji paras radiasi itu," katanya.

Semua hasil kajian yang dilakukan oleh Dr. Sheikh Muszaphar nanti akan dibawa ke makmal negara asal penyelidikan itu untuk dianalisis.

Mengenai Dr. Sheikh Muszaphar, katanya, angkasawan Malaysia itu sihat dan dapat melaksanakan semua penyelidikan yang diamanahkan kepadanya.

Dr. Zulkeffeli berkata, waktu tidur angkasawan Malaysia itu juga sudah stabil, lapan jam sehari berbanding enam jam sebelum ini di samping mengerjakan solat fardu.

Mengenai proses kepulangan Dr. Sheikh Muszaphar ke bumi, beliau berkata persiapan akan dilakukan secara berperingkat mulai hari ini.

Dr. Sheikh Muszaphar serta dua lagi angkasawan dari Russia dijangka kembali ke bumi pada 21 Oktober. - Bernama